

## NOTIS

### FENOMENA 'SUN OUTAGE'

Untuk makluman, terdapat gangguan pada isyarat **MYTV DTH** berikutan fenomena 'Sun Outage' yang dijangka berlaku sepanjang bulan Mac 2020.

#### **Maklumat berkaitan 'Sun Outage' untuk pengetahuan bersama.**

1. Apakah yang dimaksudkan dengan Fenomena 'Sun Outage'?  
Ia merupakan fenomena semulajadi yang berlaku ketika radiasi matahari berada pada kedudukan selari dengan satelit dan bumi. Tenaga solar akan menjejaskan isyarat satelit yang sampai ke stesen bumi. Anggaran gangguan siaran adalah di antara jam 11.30 pagi sehingga 5.30 petang (waktu Malaysia).
2. Apakah jenis gangguan isyarat yang mungkin akan berlaku?  
Anda mungkin mengalami gambar yang membeku atau gangguan audio untuk tempoh beberapa minit sahaja.
3. Apakah yang perlu saya lakukan?  
Gangguan siaran ini berlaku di dalam tempoh beberapa minit sahaja. Anda tidak perlu membuat sebarang penalaan semula.

Sekiranya anda memerlukan bantuan lanjut, sila hubungi Pusat Khidmat Pelanggan kami di talian 1800-18-1088.

Pusat Khidmat Pelanggan MYTV 1800-18-1088

[www.mytvbroadcasting.my](http://www.mytvbroadcasting.my)